KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	22.09.22	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	PERHILITAN			



RAKAMAN video tular buaya di parit dalam kebun sawit.

Buaya ancam pekebun sawit

Kota Tinggi: Penduduk gugusan Felda di kawasan Kota Tinggi di sini, bimbang dengan kehadiran sang bedal bersaiz besar di parit dalam kebun sawit, Ladang Felda tunggal Gugusan Adela, dekat sini.

Wakil Majlis Belia Felda Malaysia (MBFM) Gugusan Adela, Afifi Ezuan Samsu, 31, berkata kejadian itu dipercayai berlaku kelmarin.

Menurutnya, memang tidak pernah dengar berkaitan kewujudan buaya di kawasan itu.

"Tempat buaya itu dijumpai dan video direkod hanyalah parit dan tidak sangka ada buaya sebesar itu.

"Parit itu adalah tempat untuk pekebun mengambil air untuk meracun dan membaja berikutan kawasan itu adalah kebun kelapa sawit.

"Apabila sudah tular, pastinya saya dan penduduk bimbang berikutan penemuan buaya di kawasan itu.

"Agak pelik juga ada buaya sebesar itu di kawasan ini, hanya air parit menghubungkan sungai kecil di dalam kawasan itu. Kemungkinan buaya itu masuk ke parit untuk bertelur. Jadinya penduduk risau," katanya.

Kelmarin, tular video berdurasi 51 saat memaparkan keadaan buaya besar di kawasan parit, kelibat buaya itu dapat dilihat sebelum ia menyelam dan menghilang.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Johor, Aminuddin Jamin berkata, kawasan berkenaan adalah anak sungai yang berhubung dengan sungai utama di Kota Tinggi.

"Ia adalah habitat semula jadi buaya di daerah ini. Orang ramai diminta tidak mengambil tindakan provokasi yang boleh membahayakan diri sendiri dan segera menghubungi Perhilitan apabila terserempak dengan buaya," katanya ketika dihubungi.